



Bumiputera diingatkan: Minat penting utk berniaga

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad (berpejuk tubuh) sedang mendengar penerangan dari Pengarah Pusat Daya Pengeluaran Negara, Dato Abu Kassim bin Haji Mohamad (kiri) ketika melakukan lawatan rasmi ke beberapa bahagian di pusat itu di Petaling Jaya pagi semalam. Sebelum itu, beliau diberi taklimat mengenai segala kegiatan yang dijalankan oleh pusat itu. — Gambar Berita Harian.

PETALING JAYA, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan kaum Bumiputera supaya jangan berniaga jika semata-mata hendak menyahut seruan kerajaan.

Beliau bagaimanapun menyatakan, memang menjadi dasar Kerajaan hendak menggalakkan Bumiputera menyertai bidang perniagaan tetapi konsep itu hendaklah jangan di salahertikan.

Ketika bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri taklimat di Pusat Daya Pengeluaran Negara di sini pagi tadi beliau berkata: "Adalah salah bagi mereka untuk mencurukan diri dalam bidang perniagaan jika semata-mata bertujuan menyahut seruan kerajaan."

"Satu faktor penting bagi mereka ialah minat untuk berniaga. Kalau tidak ada motivasi untuk berniaga mereka sudah tentu tidak akan berjaya," tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian kemudian berkata, seruan kerajaan itu bukan bermakna memaksa kaum Bumiputera mencurukan diri dalam bidang perniagaan tetapi untuk memberi galakan kepada mereka.

"Jika mereka tidak berkebolehan dan tidak berminat untuk berniaga, mereka jangan berniaga tetapi jika mempunyai minat dan tidak mempunyai modal serta pengetahuan, kerajaan bersedia untuk membantunya," katanya.

Ukur kebolehan

Beliau juga membidas setengah usahawan Bumiputera yang cuba melakukan sesuatu di luar kebolehan dan kemampuan mereka.

Katanya, golongan tersebut cuba mencurukan diri dalam bidang perniagaan yang memerlukan modal sebanyak \$10,000 padahal mereka hanya mempunyai \$1,000 sahaja.

"Kerajaan tidak menghalang mereka menanggung risiko tetapi mereka hendaklah mengukur dengan kebolehan sendiri bila hendak melakukan sesuatu.

"Adalah lebih baik bagi mereka memperoleh keuntungan \$100 dari modal pelaburan \$1,000 jika dibandingkan dengan keuntungan hanya \$10 dari modal \$10,000.

Menurut beliau lagi, imbalan modal sendiri dengan jumlah pinjaman mestilah pada kadar 1:1.5 jika mereka hendak menikmati faedah kredit yang senang dan tidak mahu memikul bebanan membayar hutang.

Jika berhutang

Kata beliau, jika imbalan itu ialah pada kadar 1:10 bank-bank juga keberatan hendak memberikan pinjaman.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudian menyeru kaum Bumiputera terutamanya usahawan mengubah sikap mereka dan benar-benar menunjukkan minat hendak berniaga.

Beliau juga menggesa Pusat Daya Pengeluaran Negara supaya memainkan peranan yang lebih besar dalam melatih dan membina usahawan Bumiputera di samping mencari bidang usahawan yang lebih luas.

Sebelum itu, Pengarah Pusat Daya Pengeluaran Negara, Dato Abu Kassim bin Haji Mohamad, dalam taklimatnya berkata, sejak ditubuhkan dalam tahun 1966, sehingga September 1978 pusat itu telah memberi 2,359 kursus kepada 37,390 peserta.

Katanya, kursus-kursus tersebut termasuklah Rancangan Pemangsaan Usahawan bagi Bumiputera di mana sejak ditubuhkan pertengahan 1976 sehingga September 1978 telah menyediakan 233 kursus untuk 5,789 peserta.

Menurut rancangan itu dijalankan dalam tiga peringkat dan meliputi berbagai bidang mulai dari peringkat pengenalan sehinggalah kepada mata-mata untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang cekap.

No. Ser. 1175
No. Pen. 1146/80